

21

SOALAN NO: 21

komunikasi baharu, penaiktarafan 425 menara komunikasi sedia ada dengan liputan jalur lebar mudah alih 3G/4G, penaiktarafan 20 ibusawat talian tetap dengan 10 ribu sambungan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi serta pembinaan tambahan 10 Pusat Internet 1Malaysia.

SKMM akan mengadakan kerjasama erat dengan kerajaan negeri Sarawak dalam merancang dan melaksanakan pembangunan infratsruktur telekomunikasi di Sarawak memandangkan penguatkuasaan garispanduan dan kelulusan bagi pembinaan sebarang infrastruktur adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkaitan.

SOALAN : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10565

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa peratus dari keseluruhan pegawai dan anggota PDRM di seluruh negara yang tidak mempunyai kuarters kediaman yang disediakan oleh Kerajaan. Apakah rancangan selanjutnya bagi memastikan mereka dilengkapkan dengan kuarters kediaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kuarters PDRM di seluruh Malaysia adalah sebanyak 64,258 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,936 unit kuarters telah usang dan tidak berpenghuni. Susulan daripada itu, kerja-kerja pembaikan dengan peruntukan sebanyak RM9.55 juta di bawah program *My Beautiful Malaysia* secara NBOS oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016 hingga 2020 iaitu. Selain itu, sebanyak 2,918 unit kediaman sedang dan akan dibina bagi menampung kekurangan perumahan.

Cadangan pembinaan di bawah inisiatif Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet tahun 2018 melibatkan cadangan pembinaan sebanyak 10,000 unit kuarters dan sedang dalam proses perbincangan antara PDRM dan PPA1M untuk mengenal pasti lokasi yang sesuai.